

02/11/2003

Terkenang tiga tokoh pada Ramadan

Yusof Haslam

RAMADAN kembali lagi dengan 1001 hikmah dan barakah yang bakal diraih golongan mukmin. Sememangnya kedatangan Ramadan ditunggu-tunggu kerana inilah peluang umat Islam menggandakan pahala di atas setiap kebajikan yang dilakukan dengan niat semata-mata kerana Allah.

Pada masa sama kita harus insaf apabila mengenangkan nasib umat Islam di luar negara yang ditindas. Tetapi bersyukurlah umat Islam di negara kita sentiasa dapat menjalani ibadah puasa dalam keadaan aman, tenang dan sejahtera. Semoga suasana begini akan terus kekal berpanjangan dan tidak digugat anasir jahat dari luar.

Janganlah sesekali kita lupa dengan perkembangan dunia hari ini, yang dalam beberapa hal menjadikan umat Islam sebagai mangsa. Barat terutama sekali Amerika Syarikat (AS) selepas peristiwa 11 September 2001 begitu memandang serong kepada penganut Islam dengan melabelkannya sebagai pengganas dan ekstremis.

Segala keganasan yang berlaku bahkan segala cakap yang disalah tafsir dijadikan peluang yang sebaik-baiknya untuk mengutuk Islam oleh Barat terutamanya AS. Islam menjadi semakin terancam apabila kuasa Islam sendiri kelihatan begitu lemah di mata musuh Islam. Keadaan bertambah teruk apabila kuasa Islam berpecah dalam kelompok sendiri sehingga menjadi kecil dan terpercail. Inilah yang kita bimbang boleh berlaku di negara kita jika umat Islam tidak bersatu.

Perpecahan boleh menjadikan kita lemah dan menjadi kuasa kecil yang tidak berfungsi dalam politik mahu pun ekonomi. Seluruh umat Islam di negara kita harus bersatu dan melupakan fahaman politik yang sempit demi masa depan negara, agama dan bangsa.

Berbalik kepada Ramadan, hari ini ialah hari ke tujuh umat Islam berpuasa. Sebelum menjelang Ramadan kita kehilangan dua tokoh yang berjasa dalam bidang masing-masing. Pada 15 Oktober lalu kita kehilangan Tan Sri Abdul Samad Idris yang telah saya catatkan secara ringkas kisahnya di ruangan ini minggu lalu.

Pada 19 Oktober lalu kita juga kehilangan seorang lagi tokoh yang banyak berjasa. Beliau adalah bekas Menteri Besar Selangor dan juga bekas Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Harun Idris.

Allahyarham Datuk Harun Idris (78 tahun) sebenarnya adalah tokoh politik besar kita. Di samping menjadi pelopor kepada pembangunan negeri Selangor Allahyarham menjadi orang yang bertanggungjawab membawa semula Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kembali ke pangkuan Umno sehingga menjadi Perdana Menteri Malaysia keempat.

Sebagaimana dilaporkan akhbar Dr Mahathir berkata Allahyarham Datuk Harun Idris bersusah payah membawa semula beliau ke dalam Umno setelah disingkirkan.

Dalam kesedihan pemergian dua tokoh negara kita itu saya sendiri sibuk dengan majlis pratonton dua filem yang membabitkan perkongsian saya. Filem itu adalah Mr Cinderella 2 karya Mohd Noor Kadir, keluaran Kuasatek Pictures yang ditayangkan kepada wartawan pada 23 Oktober lalu dan filem MX3 arahan Yusof Kelana, keluaran ME Communications yang dipertontonkan kepada orang media di hari ke empat bulan puasa ini.

Agak berdebar-debar juga dada saya di bulan puasa ini menanti hasil tayangan dua filem yang membabitkan pelaburan saya itu. Bagaimanakah sambutan orang ramai terhadap filem Mr Cinderella 2 dan MX3 apabila ditayangkan kepada umum pada musim raya yang akan menjelang tiga minggu

lagi? Biarlah penonton yang membuat pilihan. Saya percaya Mohd Noor Kadir dan Yusof Kelana tentu lebih kuat debarannya.

Bagaimanapun, satu peristiwa besar yang berlaku di bulan Ramadan ini ialah persaraan Dr Mahathir daripada kerusi Perdana Menteri. Jumaat lalu pemimpin yang membawa Malaysia ke era kegemilangan sehingga ke peringkat global itu membuatkan majoriti rakyat Malaysia menitiskan air mata.

Begitu berat perasaan rakyat Malaysia untuk melepaskan pemergiannya daripada kerusi Perdana Menteri kerana kepimpinannya masih diperlukan. Sekalipun 78 tahun adalah usia yang sudah agak lanjut tetapi keupayaan tenaganya masih besar dan pemikirannya masih tajam. Kepimpinannya menjangkau ke peringkat dunia hingga Malaysia menjadi negara yang dihormati.

Dr Mahathir memilih untuk bersara kerana beranggapan 22 tahun sudah cukup untuknya menjadi tonggak kemajuan negara. Beliau mahu kembali ke pangkuan keluarganya sendiri sebagai seorang suami, bapa dan datuk kepada cucu-cucunya.

Kita hormatilah keputusannya untuk bersara dan kita doakanlah kesejahteraan hidup Dr Mahathir di tengah-tengah keluarga tercintanya. Bukankah Dr Mahathir juga manusia biasa?

Kini, kita berikanlah pula kepercayaan kepada penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk meneruskan perjuangan. Kita yakin Pak Lah mampu menjalankan amanah rakyat dan menjadikan Malaysia sebagai negara maju. Selamat mengerjakan ibadah puasa. Jumpa lagi!